

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SAW203 – Teori Tingkahlaku Manusia dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemuanya **EMPAT** soalan sahaja. Bahagian A dan B wajib dijawab dan pilih mana-mana **DUA** soalan daripada Bahagian C, D, E atau F.

Bahagian A

1. Jawab LIMA konsep sahaja yang disenaraikan di bawah:

- a) Materialisme Sejarah
- b) Perumpamaan Organisme
- c) Fakta Sosial
- d) Alienasi Buruh
- e) Kesedaran Kolektif
- f) Pembahagian Kerja Buruh
- g) Tindakan Sosial
- h) Solidariti Organik

[25 markah]

Bahagian B: Soalan No. 2 ini wajib dijawab.

2. Pilih DUA tokoh ahli teoritis yang di bawah dan sila buat analisis perbandingan di antara kedua tokoh mengenai hujah-hujah mereka.

- a) Karl Marx
- b) Emile Durkheim
- c) Max Weber
- d) Georg Simmel
- e) Radcliffe Brown

[25 markah]

Bahagian C: Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

3. Bincangkan tentang hujahan-hujahan utama Karl Marx mengenai konsep masyarakat dan struktur sosial.  
[25 markah]
4. Apakah yang Karl Marx maksudkan dengan alienasi. Sejauhmana relevannya konsep alienasi Marx dengan keadaan sekarang di bawah sistem kapitalisme? Jelaskan kedudukan anda.  
[25 markah]
5. Jelaskan tentang hujahan-hujahan Karl Marx mengenai sejarah dan perubahan masyarakat?  
[25 markah]

Bahagian D: Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

6. Sila bincangkan tentang hujahan-hujahan utama Max Weber mengenai konsep masyarakat dan struktur sosial.  
[25 markah]
7. Perbincangan Max Weber mengenai hubungan autoriti telah dapat memberikan satu penjelasan kepada keadaan yang berlaku dalam dunia moden sekarang. Sila bincangkan secara kritis tentang struktur autoriti dan jenis-jenis autoriti yang diujahkan oleh beliau.  
[25 markah]

Bahagian E: Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

8. Sila bincangkan tentang hujahan-hujahan utama Emile Durkheim mengenai konsep masyarakat dan struktur sosial.  
[25 markah]

9. Jelaskan tentang hujah-hujah Emile Durkheim mengenai sejarah dan perubahan Masyarakat.

[25 markah]

Bahagian F: Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini.

10. Bincangkan tentang hujahan-hujahan utama Georg Simmel mengenai konsep masyarakat dan struktur sosial.

[25 markah]

11. Salah satu sumbangan Simmel dalam bidang Sosiologi ialah penganalisan beliau terhadap bentuk-bentuk interaksi sosial di peringkat individu dan kumpulan kecil. Huraikan konsep interaksi sosial beliau dengan mengaitkan kepada perbezaan antara diad dan triad.

[25 markah]

- oo o0o oo -